



## TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

**AKTA KILANG DAN JENTERA 1967 [AKTA 139]  
P.U. (A) 110/1983**

**PERATURAN-PERATURAN (PENTADBIRAN) KILANG DAN JENTERA 1970 (DISEMAK-1983)**  
*Mengandungi pindaan terkini – P.U. (A) 379/1970*

Disemak hingga:

28hb Februari 1983

Tarikh diterbitkan edisi semakan:

31hb Mac 1983

Tarikh mula berkuatkuasa edisi semakan:

21hb April 1983

---

## SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

---

### Tajuk Panjang & Mukadimah

- Peraturan 1. Nama
- Peraturan 2. Tanggungjawab-tanggungjawab Ketua Pemeriksa
- Peraturan 3. Rekod-rekod disimpan oleh Ketua Pemeriksa
- Peraturan 4. Rekod-rekod disimpan oleh Pemeriksa Kanan
- Peraturan 5. Rekod-rekod disimpan oleh Pemeriksa yang menjaga Negeri atau Kawasan
- Peraturan 6. Penyiasatan
- Peraturan 7. Pendakwaan
- Peraturan 8. Bayaran-bayaran perkhidmatan
- Peraturan 9. Cara membayar

### JADUAL PERTAMA

### JADUAL KEDUA

### SENARAI PINDAAN

## **1. Nama**

Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan (Pentadbiran) Kilang dan Jentera 1970.**

## **2. Tanggungjawab-tanggungjawab Ketua Pemeriksa**

Ketua Pemeriksa, tertakluk kepada arahan-arahan Menteri, adalah bertanggungjawab bagi melaksanakan dengan sempurna peruntukan-peruntukan Akta tersebut dan peruntukan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dan hendaklah mengemukakan kepada Menteri sebelum lima belas haribulan April tiap-tiap tahun satu laporan mengenai apa-apa perkara yang dikehendaki oleh Menteri berkenaan dengan penjalanan Akta tersebut dan juga peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya bagi tahun yang akhir sebelumnya.

## **3. Rekod-rekod disimpan oleh Ketua Pemeriksa**

Ketua Pemeriksa hendaklah menyebabkan disimpan suatu rekod mengikut bentuk dan cara yang ditetapkan olehnya mengenai---

- (i) butir-butir berkaitan dengan permohonan dan pengeluaran perakuan kebolehan kepada jurutera-jurutera, ketua-ketua kapal korek dan drebar-drebar;
- (ii) penggantungan mana-mana perakuan kebolehan di bawah peraturan 27 (1) Peraturan-Peraturan (Perakuan Kebolehan---Peperiksaan) Kilang dan Jentera 1970 [P.U. (A) 34/70.];
- (iii) perjalanan dan pendapat apa-apa penyiasatan yang diadakan olehnya di bawah seksyen 41 Akta tersebut;
- (iv) apa-apa perintah kecualian yang dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 55 (3) Akta tersebut; dan
- (v) apa-apa petunjuk, arahan atau kecualian lain, sebagaimana yang difikirkannya mustahak, yang telah dibuat, diberi atau dibenarkan olehnya di bawah Akta tersebut atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

## **4. Rekod-rekod disimpan oleh Pemeriksa Kanan**

Seseorang Pemeriksa Kanan hendaklah menyebabkan disimpan suatu rekod mengikut bentuk dan cara yang ditetapkan oleh Ketua Pemeriksa mengenai---

- (i) tiap-tiap kuasa yang dikeluarkan di bawah seksyen-seksyen 19 dan 29 Akta tersebut;
- (ii) perjalanan dan pendapat apa-apa penyiasatan yang diadakan olehnya di bawah seksyen 33 Akta tersebut;
- (iii) penggantungan mana-mana perakuan kebolehan di bawah peraturan 28 (1) Peraturan-Peraturan (Perakuan Kebolehan---Peperiksaan) Kilang dan Jentera 1970 [P.U. (A) 34/70.];
- (iv) apa-apa keputusan yang dibuat olehnya di bawah seksyen 41 Akta tersebut;
- (v) apa-apa peraturan khas yang dibuat olehnya di bawah seksyen 27 Akta tersebut; dan

(vi) apa-apa petunjuk, arahan atau kecualian lain, sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pemeriksa, yang dibuat, diberi atau dibenarkan olehnya di bawah Akta tersebut atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

## **5. Rekod-rekod disimpan oleh Pemeriksa yang menjaga Negeri atau Kawasan**

Pemeriksa yang dilantik bagi sesuatu Negeri atau kawasan lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pemeriksa hendaklah menyebabkan disimpan suatu rekod berkenaan dengan Negeri atau kawasan itu mengikut bentuk dan cara yang ditetapkan oleh Ketua Pemeriksa mengenai---

- (i) perihal dan tempat tiap-tiap sebuah kilang yang berkenaanya notis telah disampaikan sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen-seksyen 34 dan 36 Akta tersebut;
- (ii) perihal dan tempat tiap-tiap sebuah dandang stim, pengandung tekanan tak berapi, dan mesin angkat yang mengenainya telah dikeluarkan satu perakuan kelayakan, dan butir-butir mengenai jurutera-jurutera, ketua-ketua kapal korek dan drebar-drebar yang bekerja pada alat-alat tersebut;
- (iii) tarikh tiap-tiap satu pemeriksaan atau ujian permulaan, ulangan, tambahan, khas dan lanjutan mana-mana kilang atau jentera yang dijalankan menurut mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta tersebut beserta butir-butir mengenai apa-apa kecacatan pada jentera sebagaimana yang didapati pada pemeriksaan atau ujian itu;
- (iv) butir-butir mengenai tiap-tiap perakuan kelayakan yang dikeluarkan;
- (v) apa-apa notis melarang pengendalian jentera yang dikeluarkan olehnya di bawah Akta tersebut atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (vi) apa-apa pengurangan tentang tekanan kerja selamat sesebuah dandang stim, pengandung tekanan tak berapi dan kira-kira yang bersangkutan dengannya;
- (vii) apa-apa pendakwaan di bawah Akta tersebut atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, beserta hukuman mahkamah mengenainya;
- (viii) apa-apa kemalangan, kejadian merbahaya dan kejadian penyakit-penyakit perusahaan yang dilaporkan di bawah seksyen-seksyen 31 dan 32 Akta tersebut dan butir-butir mengenai apa-apa siasatan permulaan;
- (ix) semua bayaran yang dipungut; dan
- (x) apa-apa perkara lain sebagaimana diarah dari semasa ke semasa oleh Ketua Pemeriksa.

## **6. Penyiasatan**

- (1) Sesuatu penyiasatan di bawah seksyen 33 Akta tersebut boleh diadakan di mana-mana tempat sebagaimana ditetapkan oleh Ketua Pemeriksa atau Pemeriksa Kanan mengikut mana yang berkenaan.
- (2) Sesuatu notis kepada seseorang pentaksir supaya hadir pada sesuatu siasatan menurut seksyen 33 (4) Akta tersebut hendaklah mengikut borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.
- (3) Sesuatu saman kepada seseorang saksi supaya hadir pada sesuatu siasatan menurut seksyen 46 Akta tersebut hendaklah mengikut borang yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

## **7. Pendakwaan**

Pendakwaan atas apa-apa kesalahan di bawah Akta tersebut atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya boleh dijalankan oleh seorang Pemeriksa.

## **8. Bayaran-bayaran perkhidmatan**

Bayaran hendaklah dikenakan seperti berikut:

(i) bagi mengeluarkan satu salinan pendua sesuatu perakuan kelayakan	\$ 6	bagi satu salinan
(ii) bagi memberi satu salinan yang diperakui benar bagi apa-apa catatan dalam rekod-rekod Jabatan Kilang dan Jentera	\$ 3	bagi satu salinan
(iii) bagi membuat sesuatu carian atau menyebab sesuatu carian dibuat dalam rekod-rekod Jabatan Kilang dan Jentera berkenaan dengan sesuatu catatan dalamnya	\$ 3	bagi satu carian
(iv) bagi memeriksa rekod-rekod Jabatan Kilang dan Jentera	\$ 12	bagi sehari atau sebahagiannya
(v) bagi satu salinan yang diperakui bagi perjalanan dan pendapat sesuatu siasatan yang diadakan di bawah peruntukan-peruntukan Akta tersebut	\$ 2	bagi 100 perkataan pertama atau kurang
bagi tiap-tiap 100 perkataan tambahan atau sebahagian daripadanya	\$ 1	
(vi) bagi menguji mana-mana tolok tekanan	\$ 3	
(vii) bagi meminjam sebuah pam ujian hidrostatik dan pasangan-pasangannya	\$ 5	bagi sehari atau sebahagiannya
(viii) bagi meminjam sebuah penunjuk pembarisan aciengkol	\$ 1	bagi sehari atau sebahagiannya
(ix) bagi membekal satu plat nombor daftar	\$ 3	bagi satu plat
(x) bagi satu salinan yang diperakui bagi apa-apa laporan jabatan atas suatu kemalangan atau kejadian merbahaya atau kerosakan jentera berkenaan dengan apa-apa kemalangan atau kejadian merbahaya yang dilaporkan kepada Jabatan Kilang dan Jentera di bawah peruntukan-peruntukan Akta.	\$ 12	bagi satu salinan

## **9. Cara membayar**

Semua bayaran hendaklah dibayar dalam masa tiga puluh hari dari tarikh perkhidmatan dan hendaklah dikreditkan kepada hasil Kerajaan.

### **JADUAL PERTAMA**

#### **PERATURAN-PERATURAN (PENTADBIRAN) KILANG DAN JENTERA 1970 Peraturan 6(2)**

#### **NOTIS KEPADA PENTAKSIR**

Bahwasanya tuan telah dilantik oleh Ketua Pemeriksa/Pemeriksa Kanan Kilang dan Jentera untuk berkhidmat sebagai seorang pentaksir dalam suatu siasatan yang akan diadakan menurut seksyen 33 (2) Akta Kilang dan Jentera 1967, dan dengan ini, tuan adalah diminta hadir untuk berkhidmat atas sifat tersebut dalam siasatan itu di ..... pada ..... haribulan.....19..... pukul .....pagi.

Diperbuat di bawah tandatangan saya pada ..... haribulan ..... 19 .....

*Ketua Pemeriksa / Pemeriksa Kanan  
Kilang dan Jentera,  
Malaysia*

Kepada : .....  
.....  
.....

## JADUAL KEDUA

### PERATURAN-PERATURAN (PENTADBIRAN) KILANG DAN JENTERA 1970

Peraturan 6 (3)

#### SAMAN KEPADA SAKSI

Bahawasanya suatu kemalangan mengakibatkan ..... telah berlaku pada atau lebih kurang pada ..... haribulan ..... 19 ..... berkaitan dengan jentera di ..... dan satu penyiasatan mengenai keadaan dan sebab kemalangan tersebut akan diadakan di bawah seksyen 33 (2) Akta Kilang dan Jentera 1967, dan saya berpendapat bahawa tuan harus dapat memberi keterangan matan berkenaan dengan kemalangan itu.

Tuan adalah dengan ini disaman supaya hadir di hadapan saya di ..... pada ..... haribulan ..... 19 ..... pukul ..... untuk memberi keterangan mengenai apa yang tuan ketahui berkenaan dengan perkara kemalangan tersebut, dan tuan tidaklah boleh pergi dari tempat itu dengan tiada kebenaran saya.

Diperbuat di bawah tandatangan saya pada ..... haribulan ..... 19 .....

*Pemeriksa Kanan Kilang dan Jentera,  
Malaysia*

Kepada : .....

.....

.....

## **SENARAI PINDAAN**

**(Diperbuat di bawah Seksyen 56 (1))**

**(Semakan----1983)**

Butir-butir di bawah seksyen 7 (ii) dan (iii) Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 (Akta 1)

## **SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuatkuasa Dari
P.U. (A) 379/1970	Peraturan-Peraturan (Pentadbiran) Kilang dan Jentera (Pindaan) 1970	23-10-1970

## **SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA YANG DIGANTI**

No.	Tajuk
P.U. (A) 33 tahun 1970	Peraturan-Peraturan (Pentadbiran) Kilang dan Jentera 1970